



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 30/2017 dari 23 Julai hingga 29 Julai 2017)

Kes denggi pada minggu ke-30 tahun 2017 iaitu dari 23 Julai hingga 29 Julai 2017 menunjukkan penurunan 117 kes (5.9%), iaitu sejumlah 1,878 kes Demam Denggi telah dilaporkan, berbanding 1,994 kes pada minggu ke-29 tahun 2017. Sehingga 29 Julai 2017, jumlah kumulatif kes Denggi yang dilaporkan adalah 57,622 kes berbanding 65,618 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 7,996 kes (12.2%).

Terdapat dua (2) kes kematian dilaporkan sepanjang minggu ke-30, di mana jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 133 kematian, berbanding 144 kematian dilaporkan pada tahun 2016 bagi tempoh yang sama, pengurangan sebanyak 11 kes (7.6%).

Walau pun penurunan kes berlaku, namun terdapat sembilan (9) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Sabah 16 kes (38.1%), Kelantan 12 kes (21.1%), WP Labuan 7 kes, Perak 3 kes (4.0%), Terengganu 2 kes (20%), Perlis 1 kes (20%), Sarawak 1 kes (11.1%), Melaka 1 kes (3.8%), dan Kedah 1 kes (3.7%).

Pada minggu ke-30, bilangan lokaliti wabak aktif juga menunjukkan penurunan iaitu sejumlah 698 lokaliti wabak yang dilaporkan di 13 negeri, berbanding 728 lokaliti pada minggu ke-29. Begitu juga dengan bilangan lokaliti hotspot yang turut berkurang iaitu sejumlah 123 lokaliti hotspot semasa yang dilaporkan melibatkan 4 buah negeri iaitu di 95 lokaliti di Selangor, 14 lokaliti di WPKL & Putrajaya, 9 lokaliti di Johor dan 5 lokaliti di Perak.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima tiga (3) laporan kes Chikungunya dari 23 Julai hingga 29 Julai 2017 iaitu dua (2) kes di Kota Bharu dan satu (1) kes di Sik. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Chikungunya kekal sebanyak 247 kes iaitu 186 kes dari Kedah, 33 kes dari Selangor, 24 kes dari Johor dan dua (2) kes masing-masing dari Perak dan Kelantan.

Pemantauan sistem surveilan virus Zika dari 1 Januari sehingga 29 Julai 2017 oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), mendapati keputusan ujian bagi 1042 sampel darah dan 29 sampel air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

'Negaraku Sehati Sejiwa' telah dipilih sebagai tema sambutan Hari Kebangsaan 2017 untuk menunjukkan betapa pentingnya rakyat Malaysia mempunyai semangat berbilang kaum dan bersatu padu. Semangat kekitaan dan kebersamaan ini juga perlu dipertingkatkan dalam usaha berterusan dan berkesan untuk menangani gejala Denggi. Antara aktiviti utama yang boleh dilaksanakan di bulan Merdeka ini adalah:

- i. Membersihkan kawasan persekitaran di premis masing-masing dengan bertujuan mencari dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk *Aedes*.
- ii. Menggunakan racun penyembur aerosol untuk membunuh nyamuk dewasa yang berada di dalam rumah terutamanya di kawasan gelap, contohnya di bawah meja dan belakang langsir.
- iii. Memasukkan bahan pembunuh jentik-jentik ke dalam takungan air kekal yang tidak dapat ditukar atau dibersihkan selain perlu ditutup dengan rapat supaya nyamuk *Aedes* tidak dapat bertelur.
- iv. Menggunakan bahan repellen (penghalau nyamuk) kepada bahagian badan yang terdedah untuk gigitan nyamuk ketika keluar rumah, terutama pada waktu nyamuk aktif menggigit (5 – 7 pagi dan 5 – 7 petang).

**Tiada Aedes, Tiada Denggi dan Chikungunya.**



**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**

Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

 Ogos 2017

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 30/2017**  
(23 Julai hingga 29 Julai 2017)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 30/2017		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 30/2016	
		Minggu 30 (23 Julai – 29 Julai 2017)		Minggu 29 (16 Julai – 22 Julai 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Kes	Kes	Mati				
1	Perlis	6	0	5	0	127	0	101	1
2	Kedah	28	0	27	0	1,015	4	580	2
3	P. Pinang	67	0	96	0	1,512	10	1,964	11
4	Perak	78	0	75	0	4,396	9	2,452	7
5	Selangor	1,039	1	1,091	4	31,524	52	35,084	51
6	WP KL & Putrajaya	216	0	249	2	5,955	19	5,476	13
7	N. Sembilan	45	0	49	1	2,381	11	1,767	18
8	Melaka	27	0	26	0	910	1	1,426	5
9	Johor	188	0	212	2	4,714	14	8,088	12
10	Pahang	28	0	47	0	1,110	2	1,512	6
11	Terengganu	12	0	10	0	196	1	1,583	13
12	Kelantan	69	0	56	0	1,889	2	1,773	2
13	Sarawak	10	0	9	0	675	3	1,759	5
14	Sabah	58	1	42	0	1,183	5	2,049	1
15	WP Labuan	7	0	0	0	35	0	4	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1,878</b>	<b>2</b>	<b>1,994</b>	<b>9</b>	<b>57,622</b>	<b>133</b>	<b>65,618</b>	<b>147</b>

\* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 30/2017  
(23 Julai hingga 29 Julai 2017)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Mutiara Taman Sri Nanding	118	186
2	WPKL	Cheras	Flat Sri Kota	70	175
3	SELANGOR	Gombak	Appt Laguna Biru	123	157
4	SELANGOR	Hulu Langat	Pandan Height Kondo Taman Pandan Mewah	53	154
5	SELANGOR	Petaling	Usj 15 (Subang Perdana Goodyear Court 10a) Blok Aa-Aq	37	130
6	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 ( Dataran Otomobil : Blok 1 - 18 )	83	129
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat D : Blok 52 - 58)	55	125
8	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Ilham)	36	120
9	SELANGOR	Petaling	Seksyen 26 ( Flat Pprt : Blok A, B, C )	58	118
10	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South City Condo)	103	110
11	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 3 Taman Pelangi Semenyih	21	99
12	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Desa Mutiara Sungai Jelok	33	99
13	WPKL	Cheras	Flat Sri Penara	69	97

14	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Suasana 4 Bandar Tun Hussein Onn	59	95
15	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tkp 15-25 Taman Kantan Permai	56	94
16	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres E : Jln 7/29 - 7/35)	36	91
17	SELANGOR	Hulu Langat	Evergreen Park Acorn & Hazel Bandar Sungai Long	50	90
18	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tkp 1-14 Taman Kantan Permai	23	88
19	SELANGOR	Gombak	Flat Pkns Au2 Tmn Keramat	22	87
20	WPKL	Cheras	Jalan Mewah	37	82
21	PERAK	Kinta	Tmn Silibin	21	82
22	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	34	81
23	SELANGOR	Gombak	Kg Kerdas 5	45	80
24	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Serindit Taman Impian Ehsan	27	80
25	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/12 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	59	80
26	WPKL	Cheras	Bukit Jalil(Vista Komanwel B)	29	79
27	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 ( Pangsapuri Perdana )	21	79
28	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Kenangan View Taman Bukit Kenangan	17	78
29	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Taming Kiri Taman Taming Jaya	17	75
30	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Suasana 2 Bandar Tun Hussein Onn	53	75
31	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	54	74

32	WPKL	Cheras	Bayu Tasik Condo 1	22	71
33	SELANGOR	Hulu Langat	Permai Putera Condo Taman Dato Ahmad Razali	26	71
34	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Mewah 2 Pandan Mewah	18	71
35	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sungai Chua	11	70
36	WPKL	Cheras	P/Puri Kos Rendah Bdr Tasik Selatan (Blok A - E)	44	69
37	SELANGOR	Petaling	Seksyen U13 ( Pangsapuri Seroja )	23	68
38	WPKL	Titivangsa	Ppr Hiliran Ampang	31	67
39	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 9)	32	67
40	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Lagenda 11-16 Taman Lagenda Mas	18	67
41	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 9 Sd 8	16	67
42	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat Z6	24	65
43	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv 11 (Zon A)	22	65
44	SELANGOR	Gombak	Kg Kerdas 4	30	63
45	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Jelok Ria	7	63
46	PERAK	Larut Matang & Selama	Kg Baru	24	63
47	WPKL	Cheras	Appt Sri Rakyat	11	62
48	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sungai Jelok	19	62
49	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Jelok	17	61

50	SELANGOR	Hulu Langat	Batu 14 Hulu Langat	9	60
51	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan SI 6 Bandar Sungai Long	20	60
52	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Sri Anggerik Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	8	59
53	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Sri Tanjung	19	58
54	WPKL	Cheras	Pangsapuri Segar Ria, Tmn Segar	15	56
55	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Delima Taman Pinggiran Delima	28	55
56	WPKL	Cheras	Jalan Jujur	15	54
57	SELANGOR	Petaling	Ss 12 (Persiaran Wangsa Baiduri 1-4)	13	54
58	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Tenaga	11	54
59	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Kosas 1/8-1/13 Taman Kosas	17	54
60	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 10 D'rozelle Kondo	22	54
61	SELANGOR	Petaling	BI Pju 9 Sd Court	25	53
62	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt. Sri Cempaka Bs	22	52
63	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 4 Bandar Teknologi	12	51
64	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Jasmin 16-22 Taman Jasmin	13	51
65	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Putri Jaya 11-23 Taman Putri Jaya	29	51
66	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Permai Ria Kampung Tasek Permai	6	51
67	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Sri Indah	32	50



68	JOHOR	Johor Bharu	Flat Taman Mawar	22	50
69	WPKL	Cheras	Appt Arena Green,Bukit Jalil	14	49
70	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Putera 1/1-11/1 Bandar Mahkota Cheras	14	49
71	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 3 Palm Spring Kondo 2 : Blok D, E, F	13	48
72	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Kelisa Kampung Sungai Tangkas	7	48
73	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Kesuma 7/8-16 Bandar Tasik Kesuma	11	48
74	SELANGOR	Hulu Langat	Kawasan Perindustrian Bukit Angkat Sungai Chua	6	47
75	SELANGOR	Gombak	Kg Tengah	17	47
76	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cendana_Zon 3	16	47
77	SELANGOR	Hulu Langat	Evergreen Park Cypress Bandar Sungai Long	17	46
78	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Cheras Utama	14	46
79	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat Z5	13	46
80	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Impian & Jln U5/178 - 180 & Jln Cc U5/Cc-Ce U5/Ce)	17	46
81	JOHOR	Johor Bharu	Tapak Projek R&F Tanjung Puteri	79	46
82	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Setia Indah_Jln Setia Indah 2/	10	46
83	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 Taman Perindustrian Saujana Indah	6	45
84	PERAK	Kinta	Jln Laxamana,Ipoh	8	45

85	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1/18-1/23e Pandan Indah	9	44
86	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 10 Ridzuan Kondo	9	44
87	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Sri Aman (Jln Aman)	7	44
88	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Rakan 9-17 Taman Rakan	7	41
89	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Kajang Baru	5	41
90	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Taman Kajang Mewah	12	41
91	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cahaya Masai_Jln Delima	6	41
92	SELANGOR	Sepang	Unipark Condo	10	40
93	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/A-R Seksyen 3 Bandar Sri Putra	6	40
94	SELANGOR	Gombak	Tmn Desa Jaya Zon 3	6	40
95	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Sri Tanjung Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	7	39
96	SELANGOR	Gombak	Au1a Tmn Keramat	9	39
97	JOHOR	Kulaijaya	Tmn Mewah 2	10	39
98	SELANGOR	Hulu Langat	Ivory Residence Kajang	5	38
99	SELANGOR	Hulu Langat	Pekan Kajang	8	38
100	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/9-4/32 Pandan Indah	11	38
101	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Pahlawan Bandar Mahkota Cheras	12	38
102	WPKL	Cheras	Sri Mas Kondo	9	37

103	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Sri Kenari	14	37
104	SELANGOR	Petaling	Bt 13 1/2 Koi Tropika	6	36
105	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Tropika Sungai Tangkas	8	36
106	SELANGOR	Gombak	Bdr Country Homes Fasa 13	8	35
107	PERAK	Kinta	Tmn Alkaf	16	35
108	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Megah Ria_Jln Jelatang	14	35
109	SELANGOR	Gombak	Appt Las Palmas Bch	11	34
110	PERAK	Kinta	Cherry Apartment	9	34
111	JOHOR	Johor Bharu	Flat Peringkat 2, Perjiranan 9	10	34
112	WPKL	Cheras	Appt Jalil Damai (Bukit Jalil)	8	33
113	SELANGOR	Gombak	Kg Melayu Wira Damai	5	33
114	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Alamanda-Enau Taman Bukit Belimbing	9	33
115	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Pulau Indah_Jln Pulau Indah /6	7	33
116	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desakarun Mas	7	32
117	SELANGOR	Klang	Tmn Seri Sementa(Jln Seri Sementa 1-6)	7	32
118	SELANGOR	Gombak	Sri Maya Condo	11	32
119	SELANGOR	Gombak	Tmn Tun Perak	7	32
120	WPKL	Cheras	Asrama Smaiwp	19	31
121	SELANGOR	Petaling	Usj 18	9	31

122	SELANGOR	Petaling	Usj 6/2	13	31
123	SELANGOR	Petaling	Bdr Bkt Puchong Bp 3	10	31